

**Najib akui kepingangan system pilihanraya**  
**Harakahdaily**  
**Ogos 17, 2011**  
**By Muhammad Yusri Amin**

**KOTA BHARU, 17 Ogos:** Hakikat kepingangan yang berlaku dalam proses perjalanan pilihan raya di Malaysia dikendalikan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kini diakui sendiri kepimpinan Najib, kata Datuk Takiyuddin Hassan.

Beliau yang juga Penolong Setiausaha Agung PAS berkata, ianya dapat dilihat apabila perdana menteri sendiri mengumumkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen bagi mengkaji reformasi pilihan raya.

Takiyuddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri mendakwa apa yang berlaku dalam pengurusan SPR kini, umumnya dalam proses pilihan raya di Malaysia terlalu banyak yang perlu diperbetulkan.

"Reaksi itu, bagi saya, adalah satu pengakuan daripada Najib sendiri bahawa memang di dalam SPR atau pun umumnya prosres pilihan raya di Malaysia terlalu banyak 'benda-benda' yang perlu diperbetulkan," katanya.

Beliau mengulas ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada majlis berbuka puasa bersama media di Wisma Bernama di ibu negara semalam.

Najib pada majlis itu semalam mendakwa bahawa kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen dianggotai wakil kerajaan dan pembangkang.

"Itu reaksi perdana menteri terhadap desakan banyak pihak untuk pembersihan proses pilihan raya," katanya sambil mendakwa tuntutan yang dibuat Bersih sebelum ini sangat wajar dan bertepatan.

Beliau ditemui pemberita selepas Majlis Khatam 30 Juzuk Al-Quran di Qariah Ramadhan, Dataran Stadium Sultan Mohd Ke-IV di sini malam tadi.

Majlis khatam 30 juzuk al-Quran itu turut dihadiri mantan Mufti Perlis Dr Mohd Azri Zainul Abidin.

Takiyuddin mendakwa 'pengakuan' Najib itu adalah kerana 'dia' sudah tidak boleh lagi menutup kelemahan sistem pilahan raya yang kini satu persatu didedahkan Pakatan Rakyat.

"Secara tidak langsung, itu merupakan satu pengakuan Perdana Menteri sebagai Presiden kepada parti yang memerintah sekarang ini di peringkat pusat iaitu Barisan Nasional dan Umno bahawa memang ada kepingangan-kepingangan serius di dalam sistem pilihan raya di Malaysia," kata Takiyuddin.

Copyright © 2010 Harakahdaily

Source: <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/4956-demi-politik-umno-sanggup-pertikai-fatwa>